

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 3 JANUARI 2024
AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 6

PADU jamin manfaat dinikmati golongan berhak – Anwar

PADU jamin manfaat dinikmati golongan berhak – Anwar

PUTRAJAYA - Kemudahan dan manfaat yang diberikan kerajaan bakal dinikmati sepenuhnya oleh golongan berhak menerusi Sistem Pangkalan Data Utama (PADU).

Berucap pada Majlis Peluncuran PADU, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, inisiatif tersebut mampu mengurangkan ketirisan dan perbelanjaan subsidi yang ditanggung kerajaan melebihi RM80 bilion.

"Hari ini (Selasa) kita telah menaikkan PADU di mana seperti dijelaskan Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli, pertamanya ia selaras dengan pendekatan dan transformasi digital.

"Kedua, ia memberi jaminan

manfaat dan kemudahan itu dinikmati orang yang berhak menerimanya dan tentunya dengan cara demikian dapat kurangkan kos serta ketirisan," katanya.

Menurutnya, perbelanjaan kerajaan dalam semua bidang bagi membantu rakyat miskin seperti di desa, padalaman, nelayan dan petani telah mencecah RM22 bilion sedangkan kajian menyatakan penyaluran subsidi tidak sampai kepada kumpulan sasaran.

"Subsidi diberikan kerajaan dikira dengan nilai sekarang mencecah RM80 bilion dan tidak mungkin Malaysia bertahan urusan kewangan belanjawan jika hal ini tidak dapat diperbaiki," jelasnya.

Beliau berkata, subsidi yang diberikan sebelum ini turut dinikmati hampir 3.5 juta warga asing dengan nilai perbelanjaan mencecah RM10 bilion.

"Istilah subsidi ialah bantuan kepada orang memerlukan, tetapi amalan Malaysia tahun demi tahun tidak pernah tukar yang mana ia diberikan kepada semua rakyat termasuk golongan maha kaya yang menggunakan elektrik lebih tinggi.

"Maka dilaksanakan tahun ini (penyusunan subsidi elektrik) dan hasilnya ikut unjuran, penjimatan lebih RM4 bilion kerana ia tidak diberikan kepada golongan maha kaya dan warga asing," ujarnya.



Anwar mengakses sistem PADU selepas melancarkannya di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya pada Selasa.